

10 JUL 2004

Najib-Dasar

DASAR LUAR M'SIA JELAS, PRAGMATIK DAN BERPRINSIP

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri

Mohd Najib Razak memberitahu ketua-ketua perwakilan luar Malaysia bahawa

dasar luar negara adalah jelas, pragmatik dan berprinsip.

"Manakala teras dasar luar kita tidak berubah, pendekatan kita barangkali semakin diperhalusi dalam pentadbiran baru ini," kata beliau.

Sementara Tun Dr Mahathir wajar diberi sanjungan kerana mengangkat

profil Malaysia di peringkat antarabangsa menerusi pandangannya yang berani, mendalam dan sering menembusi landskap politik global, Najib percaya pemimpin lain juga dapat mengutarakan pandangan negara dengan

berkesan kepada dunia.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah

mampu menunjukkan bahawa Malaysia boleh berselisih pendapat dengan rakan

dan teman di seantero dunia mengenai perkara prinsip, tanpa semestinya

berbalah.

"Penonjolan pendirian berprinsip kita hendaklah dikelolakan secara yang

membolehkan pihak yang paling menentangnya terbuka kepada pujukan," kata

Najib di jamuan tengah hari selepas sesi dialog dengan ketua-ketua perwakilan luar Malaysia di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini hari ini.

Beliau juga berkata sebagai sebuah negara Islam moden dan progresif,

Malaysia menyampaikan ucapan di mana-mana.

Dalam lawatan enam hari beliau ke Itali baru-baru ini, misalnya, kata

Najib jelas sekali negara-negara Eropah menganggap Malaysia sebagai contoh

Islam yang sederhana dan progresif.

Beliau berkata Malaysia juga menjadi jambatan penting menghubungi Barat

yang sebahagian besarnya didiami penganut Kristian dengan Timur didiami

penganut Islam dalam usahanya memupuk persefahaman dan dialog tamadun lebih

luas.

"Memandangkan Malaysia selama berkurun-kurun berada di persimpangan

banyak agama - Islam, Kristian, Buddha dan Hindu - kita boleh menjadi teladan baik tentang sikap toleransi dan harmoni yang tidak berlaku di banyak tempat di Barat, kata beliau.

Najib juga berkata sementara tugas utama diplomat akan terus menyampaikan kepentingan nasional kepada kerajaan-kerajaan asing, kini terdapat keperluan untuk bertindak lebih jauh dan menjejaki khalayak yang amat luas di negara-negara tuan rumah masing-masing.

Dalam hal ini katanya, diplomasi awam dan perkongsian cekap dengan media menjadi kualiti penting.

"Anda (diplomat luar) perlu menjangkau di luar Kementerian Luar dan saluran rasmi kerajaan tuan rumah - dan mempunyai kebolehan menyampaikan pelbagai kepentingan nasional dan dasar kita kepada khalayak yang luas," kata Najib.

Beliau berkata program ceramah TV, jamuan malam kutipan derma, interviu dengan editor surat khabar, makan tengah hari korporat, kemunculan di universiti, ruang internet - semuanya kini menjadi saluran penting bagi menonjol dan mengemukakan kepentingan nasional.

-- BERNAMA
RIZ AO RS